



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**07 Mei 2024
28 Syawal 1444H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Geng buru 'ikan pendatang'
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Maritim pintas dua bot nelayan Vietnam
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	23	7-5-2024



Geng buru ikan pendatang

PENGASAS Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya Muhammad Haziq A Rahman (duduk, enam dari kanan) bersama rakan komunitinya selepas memburu ikan bandaraya di Sungai Klang di ibu kota. Kebanjiran ikan tombot atau bandaraya yang kini mendominasi sungai terutama sekitar Lembah Klang, perlu dilihat sebagai ancaman kritikal kerana bukan serakat menyebabkan kepupusan ikan tempatan, malah merosakkan ekosistem saliran negara ini. Muhammad Haziq berkata, mulai 2023, Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya ditubuhkan khusus bagi misi 'membersihkan' sungai daripada terus dikuasai ikan pendatang terbabit dan mengumpul kumpulan pemancing bersama rakan Kolaborasi Komuniti Slingshot Fishing Malaysia. Dalam misi secara menjala dan slingshot fishing, mereka berjaya menangkap 258 ekor ikan bandaraya dengan berat keseluruhan 160 kilogram.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	28	7.5.2024

Maritim pintas dua bot nelayan Vietnam

Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM1.5 juta

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR
KUALA TERENGGANU

Tindakan bot nelayan asing kerap mencerooboh dan menangkap ikan di dalam perairan negara akhirnya menerima padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) ketika Operasi Naga Barat pada Ahad.

Pongarah Maritim Torongganu, Kepten Maritim Khairulnunar Abd Majid berkata, dua bot dari Vietnam bersama 18 kru dan tekong ditahan jam 3.30 petang di kedudukan 145 batu nautika timur laut muara Kuala Terengganu.

Bot nelayan Vietnam ditahan untuk siasatan.



Bot nelayan Vietnam ditunda ke jeti untuk pemeriksaan lanjut.

"Ketika diporikca, comua kru bot bersama tekong berusia lingkungan 13 hingga 63 tahun gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri sah.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati mereka tidak memiliki

kobonaran Pengarah Perikanan Malaysia untuk menangkap ikan di perairan negara," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut Khairulnunar, bot nelayan asing tersebut disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985.

"Keseluruhan nilai rampasan ini dianggarkan berjumlah RM1.5 juta," katanya.

Jelas beliau, pihaknya akan terus meninggalkan kawalan dan pemantauan bagi membanteras pencerobohan nelayan asing.

"Maritim Malaysia akan memperkasakan lagi operasi pemantauan bagi mengekang pencerobohan bot nelayan asing di sekitar perairan negeri ini dalam beberapa siri operasi yang dirancang," ujarnya.